

SYARAT-SYARAT UMUM

- ✓ Pemohon mestilah terdiri daripada Rakyat Negeri Terengganu di mana salah seorang ibu atau bapa pemohon berkenaan lahir di Negeri Terengganu.
- ✓ Ibu atau bapa bukan rakyat Terengganu tetapi bermastautin selama 10 tahun atau lebih boleh memohon dengan menyertakan Sijil Kerakyatan atau Surat Akuan Bermastautin.
- ✓ Ibu atau bapa mestilah mendaftar sebagai pemilih / pengundi di Negeri Terengganu.
- ✓ Berumur tidak melebihi 25 tahun semasa memohon dan bujang/belum berkahwin.
- ✓ Keutamaan kepada pemohon dari kalangan berpendapatan rendah (B40).

SKIM PINJAMAN BOLEH UBAH YAYASAN TERENGGANU

BAGI PELAJAR LEPASAN SPM

PROGRAM : PINJAMAN BOLEH UBAH PERSEDIAAN PENGAJIAN ISLAM KE INTERNATIONAL PEACE COLLEGE SOUTH AFRICA (IPSA)

PUSAT PENGAJIAN: UNIVERSITI ISLAM SELANGOR

Syarat Kelayakan:

- ✓ Mendapat Gred A (A+, A atau A-) bagi **Peperiksaan SPM sekurang-kurangnya lima (5) mata pelajaran** sebagaimana berikut:
 - a) Bahasa Melayu
 - b) Bahasa Inggeris
 - c) Bahasa Arab atau Turath Bahasa Arab atau Lughah Arabiah Muasorah,
 - d) Pendidikan Al Quran & Sunnah atau Turath Al-Quran Al-Sunnah atau Hifz Quran atau Maharat Al-Quran atau Usuluddin,
 - e) Pendidikan Islam atau Pendidikan Syariah Islamiah atau Turath Dirasat Islamiah atau Syariah Islamiah.
- ✓ Penawaran skim pinjaman boleh ubah ke peringkat Ijazah Pengajian Islam di IPSA tertakluk kepada keputusan peperiksaan di peringkat Asasi Pengajian Islam UIS dengan pencapaian sekurang-kurangnya **CGPA 3.00 atau setarafnya**.

PERMOHONAN

Permohonan perlu dikemukakan secara atas talian (on-line) menerusi
ytpenajaan.terengganu.gov.my

Borang permohonan mesti dilengkapi dengan memuatnaik (upload) semua dokumen yang diperlukan.

TEMUDUGA

Hanya calon-calon yang layak disenarai pendek akan dipanggil menduduki Temuduga yang dikendalikan oleh Yayasan Terengganu.

KEPUTUSAN TAWARAN

Penawaran biasiswa/pinjaman kepada pemohon yang berjaya akan dipertimbangkan **berdasarkan kouta, merit, temuduga dan kelulusan** Mesyuarat Jawatankuasa Tajaan & Transformasi Pendidikan dan Pembangunan Pendidikan Yayasan Terengganu.